



Australian Government

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang apa yang patut dilakukan jika anda mengesyaki burung anda menghidap selesema burung dan langkah-langkah yang mudah diambil untuk mencegah burung anda dijangkiti virus ini, atau jika anda bekerja dalam industri ayam itik, sila layari tapak web Jabatan Pertanian, Perikanan dan Perhutanan (Department of Agriculture, Fisheries and Forestry) di www.daff.gov.au/birdflu.

Jika anda bimbang tentang kesihatan diri anda atau keluarga anda, mintalah nasihat doktor anda.

ADAKAH SELAMAT UNTUK MEMAKAN AYAM ITIK DAN TELURNYA?

Ya. Pada masa ini, burung dan ayam itik Australia bebas daripada selesema burung H5N1. Jika selesema burung sampai ke Australia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) memaklumkan bahawa manusia tidak menghadapi risiko jangkitan melalui makanan jika makanan itu dikendalikan dengan cermat dan dimasak dengan betul.

Dengan mengikuti petua pengendalian dan pemasakan makanan cara selamat ini setiap hari, anda boleh membantu melindungi diri anda daripada pelbagai penyakit yang disebarkan melalui makanan:

- Simpan daging dan telur di dalam peti sejuk atau simpan daging di dalam penyejuk beku.
- Simpan daging mentah dan jus berasingan daripada makanan yang lain.
- Basuh tangan anda sebelum dan selepas mengendalikan daging mentah dan telur ayam itik.
- Masak daging ayam itik sehingga masak seluruhnya,

iaitu sehingga jusnya menjadi jernih dan tiada lagi daging yang kemerahan.

- Basuh perkakas dan permukaan, seperti papan potong, dengan air sabun yang panas serta-merta selepas digunakan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang keselamatan makanan, sila layari: www.safefood.net.au

BAGAIMANA JIKA SAYA PERGI KE LUAR NEGERI?

Untuk mengetahui sama ada selesema burung sudah tersebar ke negara yang hendak anda lawat itu, sila baca buletin perjalanan Jabatan Hal Ehwal dan Perdagangan Luar (Department of Foreign Affairs and Trade) di www.smarttraveller.gov.au. Pastikan dokumen perjalanan anda sudah terkemas kini kerana anda mungkin perlu meninggalkan negara itu dengan segera.

INGIN MENGETAHUI LEBIH LANJUT?

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang risiko selesema burung terhadap kesihatan manusia atau cara untuk bersiap-sedia menghadapi kemungkinan pandemik influenza, sila layari tapak web Jabatan Kesihatan dan Penuaan Kerajaan Komanwel (Commonwealth Government Department of Health and Ageing) di www.health.gov.au atau telefon 1800 004 599.

www.health.gov.au

BIRDFLU

SELESEMA BURUNG
MAKLUMAT PENTING UNTUK SEMUA PENDUDUK
AUSTRALIA



MALAY/BAHASA MELAYU

APRIL 2007/APRIL 2007

Australia kini bebas daripada selesema burung H5N1. Sungguhpun selesema ini mungkin tidak akan sampai ke sini, penting agar kita membuat persiapan untuk menghadapi kemungkinannya dan bersedia untuk bertindak terhadap ancamannya. Risalah ini mengandungi maklumat tentang selesema burung, persediaan yang sedang dibuat oleh Kerajaan Komanwel untuk menghadapi wabak selesema burung dan nasihat tentang apa yang boleh anda lakukan untuk melindungi diri anda dan keluarga anda.

APAKAH SELESEMA BURUNG?

Selesema burung (juga digelar influenza avian) disebabkan oleh virus influenza yang menjangkiti burung. Setakat ini, selesema burung kebanyakannya menjangkiti burung air dan ayam itik domestik. Walaupun ada banyak strain selesema burung, strain yang menjadi kebimbangan seluruh dunia pada masa ini ialah H5N1. Unggas hijrah yang liar telah merebakkan strain H5N1 selesema burung ke tempat-tempat yang jauh dan beberapa negara asing telah terjejas. Strain H5N1 selesema burung boleh membunuh burung dan ayam itik domestik, dan penyakit ini boleh menular dengan pantas menerusi kelompok.

MENGAPAKAH SELESEMA BURUNG MEMBIMBANGKAN?

Dua risiko utama mengancam kesihatan manusia akibat selesema burung:

1. Risiko manusia dijangkiti selesema burung melalui sentuhan langsung dengan burung yang sakit atau yang sudah mati, atau dengan najis burung yang terjangkit. Selesema burung tidak mudah berjangkit,

tetapi boleh menyebabkan penyakit yang sangat dahsyat pada manusia.

2. Ada kemungkinan bahawa selesema burung H5N1 bertukar kepada suatu bentuk influenza yang baru yang boleh tersebar di kalangan manusia. Jika ini berlaku, mungkin timbul epidemik yang meluas atau pandemik (seluruh dunia).

APAKAH TINDAKAN KERAJAAN KOMANWEL?

Kerajaan Komanwel sedang memantau situasi di luar negeri dengan rapi bersama-sama dengan agensi antarabangsa dan pakar kesihatan, dan sedang membantu negara-negara jiran untuk melawan ancaman selesema burung.

Pengawasan telah dipertingkatkan di pangkalan laut dan udara antarabangsa Australia dan di pusat-pusat mel untuk mengesan dan menangani sebarang unggas atau produk unggas yang terjangkit. Semua produk unggas yang memasuki Australia dari mana-mana negara dikenakan syarat-syarat import kuarantin. Kerajaan Komanwel, negeri dan wilayah dengan bantuan pemerhati unggas dan penjaga haiwan liar telah mempertingkatkan pengawasan burung-burung liar untuk mengesan selesema burung.

Kerajaan Komanwel, negeri dan wilayah telah menyediakan rancangan yang meluas dan sudah bersedia untuk bertindak seandainya selesema burung berubah kepada epidemik manusia. Ini termasuklah simpanan stok ubat dan peralatan kebangsaan.

ADAKAH SAYA MENGHADAPI RISIKO DIJANGKITI SELESEMA BURUNG?

Oleh sebab belum ada selesema burung H5N1 di Australia pada masa ini, risiko penduduk Australia dijangkiti selesema burung adalah sangat tipis. Kebanyakan kes manusia di luar negeri berlaku di kalangan orang yang tinggal berdekatan dengan burung peliharaan dan najisnya, dan mereka telah mengendalikan burung yang sakit atau yang sudah mati.

Jika wabak selesema burung meletus, Australia mempunyai rancangan yang telah teruji dengan baik untuk membendung dan membasmi penyakit ini. Namun demikian, ikutilah langkah-langkah yang berikut untuk mengurangkan lagi risiko anda:

- Jika anda memiliki burung seperti ayam atau mempunyai lau burung di laman belakang anda, pastikan sumber makanan dan air mereka sentiasa bersih dan segera laporkan sebarang kematian burung yang tidak dijangka kepada [Hotline Kecemasan Pemerhatian Penyakit \(Emergency Disease Watch Hotline\)](#) melalui talian [1800 675 888](#).
- Jangan dekati burung liar dan najisnya jika tidak perlu.
- Jangan sentuh atau angkat apa-apa spesies burung yang sakit atau yang sudah mati, dan berikan nasihat ini kepada anak-anak anda juga.
- Seperti biasa, selalulah basuh tangan anda dengan sabun dan air, lebih-lebih lagi selepas menyentuh burung atau haiwan, sebelum menyediakan makanan dan memakan, dan selepas batuk, bersin atau menghembus hidung.